

Teks Ucapan

**YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya**

Perasmian JKR BIM + Asset Day 2016

**Sasana Kijang, Kuala Lumpur
19 Mei 2016, Khamis**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu `alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Yang Dihormati Saudara/i Pengacara Majlis;

YBhg. Datuk Ir. Hj. Adanan bin Mohamed Hussain

Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia

Tan Sri/ Datuk Seri/ Datin Seri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

Para hadirin yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita diberi kesempatan untuk bersama hadir pada hari ini bagi menjayakan Program “JKR BIM + Asset Day 2016” ini.

2. Bagi pihak Kementerian Kerja Raya Malaysia dan Jabatan Kerja Raya Malaysia, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua hadirin yang sudi meluangkan masa untuk menghadiri program pada hari ini.

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur dari Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB), Jabatan Kerja Raya Malaysia atas usaha keras menganjurkan program ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Aplikasi ***Building Information Modeling*** atau ringkasnya **BIM**, dalam kitar hayat pelaksanaan projek adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mentransformasikan perkhidmatan awam dan sektor pembinaan negara.

5. Dalam Teras 6 dalam Bab 8 Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK11), di bawah bidang fokus 'Mentransformasikan sektor pembinaan'; **BIM** dan **IBS** telah disenaraikan sebagai inisiatif penting untuk memacu produktiviti industri pembinaan tempatan.

6. Dalam mentransformasikan sektor pembinaan, Program Transformasi Industri Pembinaan (**CITP**) 2016-2020 juga, di bawah Teras Productivity, BIM dikenalpasti sebagai inisiatif yang mampu meningkatkan tahap produktiviti sektor pembinaan; diperolehi melalui pengurangan kesilapan atau konflik rekabentuk serta penghasilan proses pembinaan yang lebih efisien. Ini secara langsung akan mengurangkan pembaziran disebabkan oleh kerja semula (reworks) seterusnya meningkatkan penjimatan dari segi masa dan kos pembinaan.

7. Bagi merealisasikan matlamat CITP ini, *BIM Initiatives Working Group* (IWG) yang dipengerusikan oleh saya dan dianggotai oleh wakil industri, telah ditubuhkan bertujuan untuk memacu dan merangka strategi bagi menggalakkan penggunaan BIM. Saya berharap agar semua pemain industri tempatan akan memberi sokongan yang padu ke atas apa jua aktiviti yang dirangka oleh IWG ini dalam usaha murni kita untuk membawa industri pembinaan tempatan ke tahap yang lebih tinggi dan mencapai sasaran Negara berpendapatan tinggi.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Pelaksanaan projek yang kompleks seperti hospital, yang berimpak tinggi kepada rakyat, semestinya memerlukan perancangan yang teliti. Penyerahan projek hospital yang menepati kualiti, kos dan masa yang ditetapkan merupakan perkara utama yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan. Justeru itu, sudah tiba masanya untuk kita menggunakan pendekatan yang lebih kreatif dengan memanfaatkan inovasi teknologi dan kaedah pembinaan seperti **BIM** dan **IBS** untuk memastikan projek hospital yang kita laksana dapat mencapai objektif dan outcome yang dikehendaki.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Negara-negara luar seperti Singapura, Amerika Syarikat dan United Kingdom dan beberapa negara lain lagi masing-masing sedang mengorak langkah untuk mengaplikasikan BIM dalam pengurusan aset dan kita juga seharusnya tidak ketinggalan dalam perkembangan ini. Kajian dan penyelidikan tentang penggunaan BIM dalam Pengurusan Aset Menyeluruh; khususnya berkaitan kolaborasi di antara model BIM dan sistem aplikasi pengurusan aset secara elektronik (MySPATA) serta proses penilaian bangunan (*Pre & Post – Occupancy Evaluation*); perlu segera dijalankan bagi menyokong Dasar Pengurusan Aset Kerajaan. Melalui kolaborasi ini, maklumat penting (record model) berkaitan aset akan dapat dijana dengan lebih tepat dan teratur; membolehkan aset kerajaan diurus dengan baik untuk memberi nilai yang optima kepada kerajaan dan rakyat.

10. Memang tidak dapat dinafikan bahawa setiap usaha pembaharuan pasti ada cabarannya. Maka, saya ingin menyeru kepada semua pihak yang terlibat supaya dapat berganding bahu dalam menghadapi cabaran transformasi ini. Marilah kita sama-sama berusaha dengan lebih gigih agar

pelaksanaan BIM secara menyeluruh dalam projek-projek kerajaan dapat direalisasikan dengan secepat mungkin.

11. Akhir sekali, saya berharap program yang dianjurkan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia hari ini dapat memberikan peluang kepada para peserta untuk berkongsi ilmu pengetahuan, pengalaman serta harapan bagi menjadikan BIM sebagai pemangkin dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek dan pengurusan aset kerajaan.

Dengan lafaz “Bismillahirrahmanhirrahim”, saya dengan ini merasmikan **JKR BIM + Asset Day 2016.**

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.